

16 APR 1998

ABU HASSAN TIDAK TAHU SAMA ADA TERDAPAT PIHAK CUBA JATUHKANNYA

SHAH ALAM, 16 April (Bernama) -- Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar hari ini berkata beliau tidak tahu sama ada terdapat pihak yang cuba menjatuhkannya melalui isu tuntutan perbelanjaan penginapannya di hotel sementara menunggu kediaman rasmi menteri besar diubahsuai.

"Bagi saya, saya berniat baik, cuma hendak menjalankan tugas, kalau ada orang yang berniat tidak baik terhadap saya, terpulanglah kepada tuan-tuan dan puan-puan untuk mempertahankan saya," kata beliau pada persidangan berita selepas merasmikan bangunan ibu pejabat Parti Progresif Penduduk (PPP) di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar hari ini bahawa tuntutan penginapan dan perbelanjaannya sepanjang 125 hari di Hotel Radisson di sini dikatakan berjumlah lebih RM75,000 termasuk bagi pemandunya yang diberi kelayakan sama dengan pegawai Kumpulan A.

Sebelum ini persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor diberitahu bahawa kerajaan negeri telah membelanjakan RM40,000 bagi membiayai penginapan Abu Hassan dalam tempoh itu.

Ketika ditanya sama ada beliau mengesyaki ada pihak cuba menjatuhkannya melalui isu tersebut, beliau berkata; "Saya tidak tahulah perkara itu, tanyalah kepada yang berkenaan, saya tidak tahu nak jawab."

Katanya beliau akan meminta Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Abdul Aziz Yusof menyerahkan laporan berhubung isu itu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekiranya beliau diminta berbuat demikian.

Menurutnya beliau akan menjalankan tugas seperti biasa serta berusaha menangani pelbagai masalah yang dihadapi Selangor kini.

Masalah sememangnya timbul dari semasa ke semasa, kata beliau.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas lebih lanjut berhubung isu itu kerana Pegawai Kewangan Negeri sudahpun membuat sidang berita pagi ini berhubung isu tersebut.

"Sudahlah, jangan tanya lagi," katanya.

-- BERNAMA

AZH NMO